

Hentikan Operasi Penginapan Persendirian yang Menyalahi

Undang-undang

- Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan perkhidmatan penginapan persendirian, perkhidmatan ini merujuk kepada penyediaan perkhidmatan penginapan kepada pelancong dan pengguna lain dengan menggunakan kediaman persendirian secara keseluruhan atau sebahagiannya.
- Operator perkhidmatan penginapan persendirian hendaklah melakukan salah satu daripada prosedur yang berikut: mendapatkan lesen yang diperuntukkan dalam Akta Perniagaan Hotel; mendaftar mengikut Akta Perniagaan Penginapan Persendirian; atau mendapatkan kebenaran yang diperuntukkan dalam Akta Zon Khas Strategik Kebangsaan. Perkhidmatan penginapan persendirian yang dikendalikan tanpa kebenaran, iaitu, tanpa melaksanakan prosedur yang dinyatakan di atas dan tanpa menerima sebarang pengawasan oleh agensi pentadbiran merupakan pengendalian penginapan persendirian yang menyalahi undang-undang.

Kepada para penginap: Jangan menggunakan penginapan persendirian yang menyalahi undang-undang ini

- Penginapan persendirian yang menyalahi undang-undang dianggap lebih berisiko untuk jenis masalah yang berikut:
 - Langkah-langkah kebersihan tidak dilaksanakan dan pembersihan tempat penginapan tersebut tidak dilakukan dengan betul.
 - Tiada pelan kecemasan disediakan untuk operator untuk bergegas ke tempat penginapan sekiranya berlaku kecemasan, seperti jenayah dan penyakit.
 - Oleh kerana perniagaan penginapan persendirian ini tidak mendapat persetujuan daripada jiran, para penginap menerima aduan daripada jiran semasa penginapan mereka.
 - Sekiranya berlaku kebakaran, terdapat risiko kelewatan dalam melaksanakan langkah awal memadam kebakaran dan proses pemindahan, ini kerana faktor-faktor seperti penggera kebakaran tidak berfungsi, tiada alat pemadam kebakaran dan penginap tidak dapat mengesan laluan keluar kecemasan.
 - Penginap berasa tidak selamat kerana kunci tidak diuruskan dengan betul.

- Tempat penginapan yang sah, telah mendapat lesen menurut Akta Perniagaan Hotel atau kebenaran lain adalah di bawah pengawasan agensi-agensi kerajaan, seperti pusat kesihatan awam. Oleh demikian, langkah-langkah kebersihan dan keselamatan di tempat sedemikian dilakukan dengan betul.

Untuk perkhidmatan penginapan yang selamat, sila gunakan penginapan persendirian yang sah dan bukan yang menyalahi undang-undang kerana ciri keselamatan adalah terjamin.

- Untuk menggunakan perkhidmatan penginapan persendirian yang sah, penggunaan laman web yang sesuai untuk mencari perkhidmatan tersebut adalah penting. Sila akses laman web ejen penginapan persendirian yang berdaftar di bawah Akta Perniagaan Penginapan Persendirian, atau ejen pelancongan yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pelancongan, kerana laman web ini tidak akan menyenaraikan penginapan persendirian yang menyalahi undang-undang. Senarai ejen penginapan dan ejen pelancongan berdaftar yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan agensi/perantara untuk penginapan persendirian boleh didapati di bawah.

<http://www.mlit.go.jp/kankocho/minpaku/business/mediation/attention.html> (Bahasa Jepun)

Kepada operator: Sila kendalikan perkhidmatan penginapan persendirian ini secara sah dari segi undang-undang

- Operasi penginapan persendirian yang menyalahi undang-undang adalah tertakluk kepada hukuman kerana melanggar Akta Perniagaan Hotel. Tambahan pula, sekiranya jenis masalah yang berikut berlaku, ini bukan sahaja boleh menyukarkan bagi meneruskan pengendalian yang baik sukar diteruskan pada jangka masa yang sederhana dan jangka masa panjang, tetapi juga menyebabkan kerosakan pada aset anda yang penting.
 - Disebabkan persetujuan daripada jiran-jiran tidak diperolehi, penginap menerima aduan daripada jiran-jiran semasa penginapan mereka dan tidak dapat menikmati penginapan yang selamat dan selesa. Akibatnya anda akan menerima lebih banyak ulasan dan testimonial yang negatif daripada tetamu.
 - Disebabkan kebersihan tidak diuruskan dengan betul, semakin ramai penginap akan merasa bahawa tempat penginapan tersebut tidak bersih. Akibatnya anda akan menerima lebih banyak ulasan dan testimonial yang negatif daripada tetamu.
 - Penginap mungkin kehilangan nyawa mereka kerana langkah-langkah yang sesuai tidak diambil untuk memastikan keselamatan mereka, seperti

pemasangan peralatan kebakaran yang diperlukan dan kewujudan pelan pengurusan kebakaran.

- Kelengkapan memadam api dan pelan pengurusan kebakaran yang tidak mencukupi dan penginapan anda boleh menerima panduan pentadbiran daripada jabatan bomba atau tertakluk pada tindakan pihak berkuasa.
 - Disebabkan anda tidak melakukan pengesahan identiti tetamu anda dengan betul, penginapan anda boleh digunakan secara tidak wajar untuk melakukan jenayah serius atau menyembunyikan penjenayah.
- Sila kendalikan perkhidmatan penginapan persendirian anda secara sah untuk mendapatkan persetujuan daripada jiran-jiran dan menyediakan perkhidmatan yang selamat, terjamin dan selesa kepada para penginap.
 - Dalam hal perkhidmatan agensi/pengantara yang dipertanggungjawabkan untuk penginapan persendirian, sila gunakan ejen penginapan persendirian yang berdaftar di bawah Akta Perniagaan Penginapan Persendirian atau ejen pelancongan yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pelancongan. Sekiranya perkhidmatan agensi/perantara dipertanggungjawabkan kepada operator yang tidak berdaftar, sebarang masalah yang timbul mungkin tidak dapat ditangani sebaiknya. Senarai ejen penginapan dan ejen pelancongan berdaftar yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan agensi/perantara untuk penginapan persendirian boleh didapati di bawah.

<http://www.mlit.go.jp/kankocho/minpaku/business/mediation/attention.html> (Bahasa Jepun)